

Kuasa menabung Bumiputera lemah

BUKAN sesuatu yang menghairankan apabila semua 500 juta unit Amanah Saham Malaysia (ASM) yang dibuka untuk jualan, Rabu lalu habis dilanggan dalam tempoh 39 minit saja. Ia dikatakan satu rekod baru penjualan unit saham amanah bagi Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Realitinya, setiap kali ASM dibuka untuk jualan, langganannya tidak pernah mengecewakan. Contohnya, satu bilion unit tambahan ASM dijual pada 24 April 2006 dilanggan dalam tempoh sejam 45 minit. ASM dilancarkan pada April 2000 dengan saiz dana berjumlah dua bilion unit dan habis dilanggan dalam tempoh 21 hari.

Langganan ASM kali ini dikatakan satu rekod baru penjualan unit saham PNB dan cukup membanggakan. Namun, sama seperti kebiasaannya, majoriti melanggan saham ASM ini ialah bukan Bumiputera. Mungkin ini realiti mengecewakan. Ini menimbulkan persoalan, ke manakah potensi kaum Bumiputera untuk melanggan ASM ini.

Keadaan ini nampaknya kurang memenuhi harapan Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, bahawa unit ASM ini akan dapat menarik minat kakitangan awam yang menerima kenaikan gaji seperti yang diumumkan baru-baru ini untuk melanggan ASM.

Nampaknya, kesediaan Bumiputera untuk melanggan ASM tidak sehebat kesediaan individu yang sanggup menunggu pada jam 11 malam sebelum kaunter utama ASNB di Jalan Tun Razak dibuka keesokan harinya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika masih menjadi Timbalan Perdana Menteri dan merasmikan Majlis Pelancaran Amanah Saham Didik peringkat negeri Terengganu pada 2000 memuji PNB yang dikatakan menunjukkan kecemerlangannya dalam menguruskan dana saham amanah lebih daripada 20 tahun.

Jika trend langganan ASM terus dimonopoli bukan Bumiputera, nampaknya harapan Perdana Menteri supaya Bumiputera memiliki kepentingan ekuiti dalam korporat melalui

pembahagian bentuk unit saham kurang tercapai dan perlu dicari formula baru bagi mengatasinya.

Dalam memberi penumpuan kepada pengukuhan ekonomi negara dan melahirkan masyarakat yang berdaya saing dalam pasaran, salah satu usaha kerajaan ialah menggalakkan peningkatan dana dalam industri saham amanah negara terutama sekali oleh Bumiputera.

Makna mudahnya, Bumiputera perlu merebut segala peluang yang ada untuk meningkatkan jumlah pemilikan saham amanah negara. Pelbagai strategi boleh dilakukan dalam mewujudkan usaha yang lebih bersepadu untuk mempromosikan saham amanah sebagai salah satu instrumen pelaburan terbaik.

Minggu Saham Amanah Malaysia adalah contoh terbaik dalam membantu merealisasikan usaha peningkatan kefahaman mengenai industri dan pelaburan saham amanah.

Mungkin juga Bumiputera mempunyai penghalang tersendiri untuk melanggan ASM ataupun lebih menunjukkan kecenderungan melabur dalam pelaburan luar negara melalui internet. Ataupun mentaliti mereka membawa kepada sikap lebih gemar untuk melanggan amanah saham yang lain seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB) kerana berasakan ia lebih terselamat dan terjamin.

Keperluan untuk mempelbagaikan pelaburan juga mungkin bukan satu perkara utama dalam agenda pelabur saham amanah Bumiputera. Ditambah pula oleh kemungkinan mempunyai kekangan dari segi kewangan untuk melanggar ASM.

Menjadi satu kerugian sekiranya peluang yang diberikan PNB tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh Bumiputera. Peningkatan kefahaman rakyat mengenai kebaikan dan manfaat melabur dalam saham amanah perlu dipertingkatkan dan akan mampu menarik minat lebih ramai Bumiputera memilih saham amanah sebagai instrumen pelaburan bagi membantu meningkat dan menggiatkan industri saham amanah di dalam negara.

DR SAPURA SIPON,
Universiti Sains Islam Malaysia.